

»» **BANK** »» **SOALAN**

UASA

Bahasa Melayu

Tingkatan

2

KSSM

SISTEM BAHASA

Arahan: Jawab semua soalan dalam setiap bahagian.

BAHAGIAN A Objektif Aneka Pilihan

Soalan 1 – 15


Lengkap ayat-ayat berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

Soalan 1 berdasarkan gambar di bawah ini.



- Murid-murid itu ditegur oleh Cikgu Halim kerana mereka _____ semasa menaiki bas sekolah.
A beratas-atasan
B berasak-asakan
C berdesak-desakan
D berpusu-pusu
- Kaki adik sakit kerana dia memakai kasut yang terlalu _____.
A ketat
B sempit
C kukuh
D sesak
- TuanKu akan berangkat ke majlis pertabalaan anakanda _____ sebagai Raja Muda.
A beliau
B baginda
C hamba
D beta
- Dalam bencana alam itu, _____ 200 orang penduduk kampung masih belum ditemukan.
A ditafsirkan
B diangapkan
C dianggarkan
D difikirkan

Soalan 5 berdasarkan gambar di bawah ini.



- Farid tidak boleh bergerak kerana badannya _____ oleh sebuah tilam yang berat.
A ditindas
B ditindih
C dihimpit
D dihempas
- Mesyuarat ini diadakan untuk meningkatkan dan melicinkan aktiviti kokurikulum _____ semasa ke semasa.
A dari
B pada
C dengan
D daripada
- Sikap menghormati budaya serta agama lain hendaklah diamalkan _____ setiap individu.
A oleh
B pada
D dalam
D daripada
- Semasa pandemik COVID-19 ini, _____ murid-murid di sekolah perlu mematuhi prosedur operasi standard yang telah ditetapkan.
A peralihan
B perjalanan
C pergerakan
D peredaran

9. Encik Hafiz telah _____ jawatan pengurus di syarikat ini setelah Encik Lim bersara.
- A menyusun atur
 - B mengambil alih
 - C bertukar arah
 - D mengawal selia
10. Kami makan pucuk gajus yang dipetik ayah tadi _____.
- A hidup-hidup
 - B segar-bugar
 - C mentah-mentah
 - D hijau-hijau
11. Puan Adibah sering menasihati anak-anaknya supaya menabung sebagai _____ pada masa kecemasan.
- A tinggalan
 - B warisan
 - C bekalan
 - D lebihan
12. Sememangnya rumah terbuka merupakan medan pertemuan yang paling sesuai untuk _____ hubungan dalam kalangan masyarakat.
- A mengaturkan
 - B mengemaskan
 - C mengeratkan
 - D mendekatkan
13. Air sungai di belakang rumahnya semakin _____ akibat kemarau yang panjang.
- A hilang
 - B cetek
 - C lupus
 - D singkat
14. Maisara teringat _____ kata-kata Cikgu Halimah berkenaan rumah pusaka ini.
- A dengan
 - B akan
 - C pada
 - D melalui
15. Sejak ibunya jatuh sakit, Ahmad dan isterinya _____ ke tempat kerja mereka di Kuala Lumpur dari rumah ibunya di Rembau.
- A lalu-lalang
 - B ulang-alik
 - C mundur-mandir
 - D tunggang-langgang

Soalan 16 – 20

Pilih ayat-ayat yang menggunakan **perkataan berhuruf condong** dengan betul.

16. I Para belia perlu *menyambut* cabaran yang dibuat oleh Kementerian Belia dan Sukan itu.
II Penjaga gol itu telah *menyambut* bola yang ditendang oleh pemain lawan itu dengan baik.
III Siti dan keluarganya pulang ke kampung untuk *menyambut* Hari Raya Aidilfitri.
IV Dashika *menyambut* kata-kata kesat yang dilemparkan kepadanya dengan tenang.
- A I dan II sahaja
 - B III dan IV sahaja
 - C I, II, dan III sahaja
 - D II, III, dan IV sahaja
17. I Kucing yang cedera setelah dilanggar kereta itu berjalan *terumbang-ambing*.
II Hindarilah sikap *terumbang-ambing* semasa memandu kenderaan kerana sikap ini membahayakan orang lain.
III Kehidupan Misah dan adiknya *terumbang-ambing* setelah ayah dan ibunya meninggal dunia.
IV Perahu Pak Mail yang ditambat di jeti *terumbang-ambing* dipukul ombak.
- A I dan II sahaja
 - B III dan IV sahaja
 - C I, II, dan III sahaja
 - D II, III, dan IV sahaja
18. I Adik menangis kerana dia tidak mahu *menelan* ubat yang pahit itu.
II Majlis pertunangan anak menteri itu *menelan* belanja yang sangat besar.
III Untuk mengelakkan pergaduhan, Maria terpaksa *menelan* umpat keji jiran tetangganya.
IV Encik Kamil berjanji akan *menelan* semua hutangnya selewat-lewatnya pada minggu hadapan.
- A I dan II sahaja
 - B III dan IV sahaja
 - C I, II, dan III sahaja
 - D II, III, dan IV sahaja
19. I Kashika belum cukup *matang* untuk memikul tanggungjawab ini kerana dia masih bersekolah.
II Ayah memetik buah-buah betik yang sudah *matang* itu untuk diperam.

- III Rumah di hujung jalan itu dirobuhkan oleh tuannya kerana sudah *matang*.
- IV Buku-buku lama yang sudah *matang* ini akan dilupuskan oleh mereka.
- A** I dan II sahaja
- B** III dan IV sahaja
- C** I, II, dan III sahaja
- D** II, III, dan IV sahaja

- 20.** I Isu yang *dibuka* oleh penceramah itu mendapat kritikan daripada para penonton.
 II Pintu rumah yang berkunci itu telah dapat *dibuka* oleh Encik Malik.
 III Selepas ditutup selama dua bulan untuk kerja-kerja menyelenggara, terowong itu *dibuka* semula hari ini.
 IV Peraduan kuiz bersempena dengan Bulan Kemerdekaan itu *dibuka* kepada semua murid sekolah ini.
- A** I dan II sahaja
 - B** III dan IV sahaja
 - C** I, II, dan III sahaja
 - D** II, III, dan IV sahaja

Soalan 21 – 25

Bahagian yang **bergaris** dalam ayat berikut **mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak**.

Tandakan sama ada **A, B, atau C** jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan **D** jika **tiada kesalahan**.

- 21.** Tiga langkah yang perlu kita praktikkan dalam tempoh pandemik COVID-19 ini ialah memakai pelitup muka, menjarakkan fizikal, dan membersihkan tangan menggunakan sabun.
- A** kita perlu praktikkan dalam
 - B** perlu kita amalkan di dalam
 - C** perlu kita praktikkan di dalam
 - D** perlu kita praktikkan dalam
- 22.** Mike Tyson merupakan di antara peninju yang terhebat dalam sukan tinju.
- A** antara petinju yang paling terhebat
 - B** antara peninju yang terhebat
 - C** di antara petinju yang paling hebat
 - D** di antara peninju yang terhebat
- 23.** Amira dan adik-adiknya sering dinasihatkan oleh ibunya supaya menghormati orang-orang tua.
- A** dinasihatkan oleh ibunya agar
 - B** dinasihati oleh ibu mereka supaya
 - C** dinasihatkan ibu mereka supaya
 - D** dinasihatkan oleh ibunya supaya

- 24.** Wang RM50 ini ditemui oleh Aiman semasa dia melalui padang sekolah.
- A** ditemui oleh Aiman apabila
 - B** ditemukan oleh Aiman semasa
 - C** ditemukan oleh Aiman bila
 - D** ditemui oleh Aiman semasa

- 25.** Beberapa banyak pepohon kelapa di tepi sungai itu ditebang oleh pemaju untuk dibina sepuluh buah chalet.
- A** Banyak pepohon kelapa
 - B** Beberapa banyak pohon-pohon kelapa
 - C** Beberapa pohon kelapa
 - D** Beberapa banyak pepohon kelapa

Soalan 26 – 30

Pilih ayat-ayat yang **betul**.

- 26.** I Semua saudara-mara Puan Aina dan suaminya hadir ke majlis perkahwinan anak tunggal mereka.
 II Buku latihan tingkatan tiga ini telah diolah berdasarkan pada keperluan pentaksiran terkini.
 III Puan Salmah menjahitkan kakak sepasang baju kurung untuk dipakai pada majlis konvokesyennya.
 IV Apabila senja menjelang, barulah Pak Daud dan isterinya pulang dari bendang.
- A** I dan II sahaja
 - B** III dan IV sahaja
 - C** I, II, dan III sahaja
 - D** II, III, dan IV sahaja
- 27.** I Makanan ini tidak untuk para peserta Rumah Kuning, tetapi untuk para peserta Rumah Hijau.
 II Gunung Tahan ialah gunung yang paling tertinggi di Semenanjung Malaysia.
 III Kami banyak memperoleh pengetahuan daripada aktiviti lawatan ke MARDI itu.
 IV Mereka mengotorkan taman permainan ini dengan bekas makanan dan minuman.
- A** I dan II sahaja
 - B** III dan IV sahaja
 - C** I, II, dan III sahaja
 - D** II, III, dan IV sahaja
- 28.** I Ayah telah mempertemukan Pak Cik Harun dengan anak tunggalnya yang sudah lama terpisah.
 II Anim berasa gembira sepanjang tinggal di kampung itu kerana penduduknya ramah-tamah belaka.
 III Pagi itu, Pak Jamali menyapu dedaun-dedaun kering yang bertaburan di halaman rumahnya.
 IV Peserta kedua itu amat yakin dan petah semasa melontarkan semua hujah-hujahnya.

- A I dan II sahaja C I, II, dan III sahaja
B III dan IV sahaja D II, III, dan IV sahaja

29. I Sememangnya semua buah-buahan ini sangat baik untuk kesihatan kita.
II Kamarul bertindak sedemikian demi untuk menjaga maruah keluarganya.
III Pak Ngah membawa sebakul durian untuk kami dari kebunnya di Perak.
IV Sungai di belakang rumahnya berbahaya kerana arusnya sangat deras.
- A I dan II sahaja C I, II, dan III sahaja
B III dan IV sahaja D II, III, dan IV sahaja
30. I Danial dan keluarganya ke Dataran Merdeka untuk menyaksikan pertunjukan bunga api.
II Kerja-kerja pedalaman sungai ini akan dimulakan pada minggu hadapan.
III Oleh sebab hujan lebat awal pagi tadi, Pak Mail tidak menoreh getah.
IV "Harga sebungkus nasi lemak ini dua ringgit setengah saja," kata penjual itu.
- A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II, dan III sahaja
D II, III, dan IV sahaja

Soalan 31 – 35

Pilih ayat yang mempunyai maksud yang **sama** atau maksud yang **paling hampir** dengan **ayat yang dicetak tebal**.

31. **Kursus keusahawanan yang berlangsung selama enam bulan itu disertai oleh 30 orang mahasiswa yang terdiri daripada pelbagai jurusan.**
- A 30 orang mahasiswa menghadiri kursus keusahawanan yang berlangsung selama enam bulan untuk pelbagai jurusan.
B 30 orang mahasiswa yang terdiri daripada pelbagai jurusan, menghadiri kursus keusahawanan yang akan berlangsung pada bulan enam.
C 30 orang mahasiswa yang terdiri daripada pelbagai jurusan, menghadiri kursus keusahawanan selama enam bulan.
D 30 orang mahasiswa menghadiri kursus keusahawanan enam bulan yang terdiri daripada pelbagai jurusan.
32. **Para pemandu kereta sering berhadapan dengan kesesakan lalu lintas di samping masalah kekurangan tempat letak kereta di bandar.**

- A Masalah para pemandu kereta ialah kesesakan jalan raya dan kekurangan tempat letak kereta.
B Masalah kekurangan tempat letak kereta dan kesesakan lalu lintas di bandar sering dihadapi oleh para pemandu kereta.
C Kesesakan lalu lintas di bandar sering menjadi masalah kepada para pemandu kereta kerana kekurangan tempat letak kereta.
D Masalah kekurangan tempat letak kereta turut mengakibatkan kesesakan lalu lintas kepada para pemandu kereta.

33. **Sebagai warisan budaya yang tidak ternilai harganya, permainan tradisional wajar diketengahkan agar tidak pupus ditelan zaman.**

- A Permainan tradisional yang hampir pupus ditelan zaman wajar diketengahkan kerana merupakan warisan budaya yang tidak ternilai harganya.
B Antara warisan budaya yang tidak pupus ditelan zaman dan warisan budaya yang tidak ternilai harganya ialah permainan tradisional.
C Oleh sebab permainan tradisional tidak pupus ditelan zaman dan tinggi nilainya, maka wajarlah permainan tersebut diketengahkan.
D Supaya tidak pupus ditelan zaman, permainan tradisional wajar diketengahkan kerana permainan ini warisan budaya yang tidak ternilai harganya.

34. **Kemalangan ini disebabkan oleh kecuaiannya pemandu kereta terbabit bukan disebabkan jalan yang bengkok-bengkok.**

- A Selain kecuaiannya pemandu kereta yang terlibat, faktor jalan juga menyebabkan kemalangan itu.
B Jalan yang berbengkok-bengkok itu telah menyebabkan kemalangan ini.
C Kecuaian pemandu kereta itu telah menyebabkan kemalangan berlaku di jalan yang berbengkok-bengkok.
D Jalan yang berbengkok-bengkok ini bukan penyebab kemalangan ini tetapi disebabkan oleh kecuaiannya pemandu kereta yang terbabit.

35. **Setiap ahli sukan mesti rajin menjalani latihan dan berdisiplin jika hendak berjaya dalam bidang yang diceburi.**

- A Komitmen terhadap latihan dan disiplin diri akan membawa kejayaan bagi seseorang ahli sukan.
B Ahli sukan yang sudah berjaya amat mementingkan latihan dan mengamalkan sikap berdisiplin.

- C Latihan mesti didahulukan daripada disiplin jika hendak berjaya dalam bidang sukan.
- D Latihan dan disiplin ialah faktor yang penting sekiranya menceburi bidang sukan.

Soalan 36 – 40

Pilih peribahasa yang paling sesuai.

36. Encik Lee berasa tidak selesa selama menginap di pulau itu.
- A Anai-anai makan kayu
 - B Si buta kehilangan tongkat
 - C Seperti duduk di atas duri
 - D Ingat sebelum kena, jimat sebelum habis
37. Pekerja yang bekerja sambalewa itu sudah ditegur oleh ketuanya.
- A Indah khabar daripada rupa
 - B Kalau ada asap, tentu ada api
 - C Pahit dahulu, manis kemudian
 - D Bagai melepaskan batuk di tangga

38. Peribahasa yang berikut membawa maksud pesanan atau nasihat tidak dipedulikan atau tidak memberikan kesan kepada pendengar, **kecuali**
- A mencurahkan air ke daun keladi.
 - B mencurahkan garam ke laut.
 - C lunak gigi daripada lidah.
 - D masuk telinga kiri keluar telinga kanan.
39. Malik dijatuhkan hukuman penjara, sedangkan dia tidak melakukan kesalahan tersebut.
- A Ditelan mati emak, diluah mati bapa
 - B Bukit sama didaki, lurah sama dituruni
 - C Orang lain yang makan nangka, orang lain yang terkena getahnya
 - D Carik-carik bulu ayam, lama-lama bercantum juga
40. Peribahasa yang berikut membawa maksud hubungan persahabatan yang sangat akrab, **kecuali**
- A bagai isi dengan kuku.
 - B bagai beliung dengan asahan.
 - C bagai dakwat dengan kertas.
 - D bagai embun di hujung rumput.

BAHAGIAN B Objektif Pelbagai Bentuk

KESALAHAN EJAAN

1. Dalam setiap iklan di bawah ini, terdapat **satu kesalahan ejaan**. Kenal pasti kesalahan tersebut dan **tulis** ejaan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin iklan itu semula.

(i)



SUNTIKAN VAKSINE TIFOID


Suntikan wajib diambil oleh semua pengendali makanan (AKTA MAKANAN 1983 & AKTA KAWALAN PENYAKIT 1988)

RM40 SEORANG

Maklumat lanjut, sila hubungi bahagian dan Perkhidmatan Pemasaran:
03-5612 5775 / 019-200 6178

KLINIK SERI SIANTAN
No 5A, Jalan PJS 8/12, Dataran Mentari, 46000 P.J

(ii)



PERHATIAN KEPADA SEMUA MURID


Mulai Januari 2020, pihak sekolah dan kantin telah bersetuju pembelian makanan dan minuman di kantin sewaktu persekolahan hanya dibenarkan menggunakan kupon sahaja. Tiada urusniaga berbentuk RINGGIT MALAYSIA dijalankan.

Jual beli kupon akan dijalankan seperti yang berikut:

Hari	: Ahad – Khamis
Waktu	: 2.30 petang - 3.30 petang (bagi murid luar)
	: 9.30 malam - 10.30 malam (bagi murid asrama)

Pihak kantin berharap agar kerjasama dapat diberikan oleh semua murid. Terima kasih.

(iii)



RUMAH UNTUK DISEWA

Lokasi : Taman Bintang, Parit Raja
Saiz : 3 bilik 1 bilik air
Kelengkapan: Katil, tilam, almari, petisejuk, sofa, langsir, meja makan, dan mesin basuh
Kemudahan : 5 minit ke UTHM
 : 3 minit ke bandar Parit Raja

Keutamaan kepada pelajar LELAKI SAHAJA. Kadar sewa RM600 sebulan
Deposit : 2 bulan sewa (RM1200)
 : Api dan Air (RM200)

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:
Puan Haslina 019-6914359

- (i) _____
- (ii) _____
- (iii) _____

2. Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan tersebut dan **tulis jawapan** yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Kedua-dua ekor kucing peliharaan Amirul saling bercakar-cakaran.
- _____
- (ii) Pak Mail sentiasa bersabar dalam menghadapi tuduhan yang dilemparkan terhadap dirinya kerana dia yakin yang lambat-laun kebenaran akan berpihak kepadanya,
- _____

3. Dalam poster di bawah ini, terdapat **tiga kesalahan ejaan**. Kenal pasti kesalahan tersebut dan **tulis ejaan** yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin iklan itu semula.

**KAWALAN PERGERAKAN PENUMPANG**

Rapid KL akan melaksanakan langkah-langkah yang berikut untuk memastikan penjarakan fizikal dan mengelakkan kesesakan semasa berada di platform dan di dalam tren:

- Pegawai Stesen akan mengawal pergerakan penumpang sebelum/ selepas dari pintu masuk automatik.
- Hanya sebilangan penumpang akan dibenarkan masuk dan bergerak ke platform pada satu-satu masa sahaja. Penumpang dijangka mengalami masa menunggu dan perjalanan lebih lama daripada biasa.
- Penumpang diwajibkan untuk sentiasa memakai pelitup muka dan hidung serta menggunakan pembersih tangan.
- Penumpang dinasihatkan supaya mengamalkan penjarakan fizikal semasa berada di platform dan di dalam tren, berdiri di tempat yang ditandakan garisan merah, dan tidak duduk di kerusi yang dilekatkan dengan notis dan bertanda "X".
- Pemeriksaan suhu badan akan dijalankan sebelum penumpang dibenarkan masuk ke dalam stesyen. Penumpang yang mempunyai suhu badan yang tinggi perlu mengelak daripada menggunakan pengangkutan awam dan dapatkan pemeriksaan di klinik kesihatan terdekat.

Kerjasama dan kesabaran anda amat dihargai. Bersama-sama kita membentasi penyebaran wabak COVID-19

- (i) _____
- (ii) _____
- (iii) _____

KESALAHAN BAHASA

1. Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan tersebut dan **tulis jawapan** yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

(i) Perbuatan rasuah dalam kalangan masyarakat turut dikatakan oleh penceramah jemputan itu.

(ii) Semua murid diwajibkan untuk menghadiri program ceramah antidadah anjuran Kelab Rakan Sebaya dan kerjasama pihak polis itu.

2. Dalam petikan di bawah ini, terdapat **tiga kesalahan ejaan**. Kenal pasti kesalahan tersebut dan **tulis ejaan** yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin iklan itu semula.

Kanak-kanak yang semakin meningkat usia memerlukan zat makanan untuk membekalkan tenaga yang mencukupi bagi melakukan pelbagai aktiviti. Zat makanan yang diperolehi mampu menjamin tumbesaran yang sihat dan mempunyai daya tahan yang tinggi daripada serangan penyakit. Ibu bapa boleh menyediakan makanan mengikut piramid makanan yang disyorkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia kerana memberikan pemakanan seimbang yang merangkumi karbohidrat, protein, vitamin, dan garam mineral kepada anak-anak. Ibu bapa digalakkan supaya memasak makanan di rumah yang lebih sihat dan lazat daripada makan di luar. Selain itu, ibu bapa juga perlu mengelak daripada membeli makanan yang diproses atau makanan ringan serta minuman bikarbonat.

(i) _____

(ii) _____

(iii) _____

3. Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan tersebut dan **tulis jawapan** yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

(i) "Kertas kerja-kertas kerja mengenai tata bahasa dan struktur ayat yang betul akan dikumpulkan dan dibukukan", kata Profesor Ahmad.

(ii) Tujuan mesyuarat agung ini diadakan ialah untuk melantik presiden dan ahli jawatankuasa yang baharu.

SINTAKSIS

1. Tentukan subjek dan predikat bagi ayat-ayat di bawah ini.

(i) Keenam-enam murid itu pemain bola sepak sekolah ini.

Subjek: _____

Predikat: _____



(ii) Daripada Puan Maria dan suaminya jam dinding ini.

Subjek: _____

Predikat: _____

(iii) Rancangan pendidikan ini disiarkan pada setiap hari Isnin.

Subjek: _____

Predikat: _____

(iv) Murid yang menerima anugerah Tokoh Sukan itulah abang saya.

Subjek: _____

Predikat: _____

(v) Jalan menuju ke tapak perkhemahan pengakap itu bengkok-bengkok.

Subjek: _____

Predikat: _____

2. Tukar ayat aktif di bawah ini kepada ayat pasif.

(i) Pekerja-pekerja itu menebang beberapa batang pokok di tepi jalan utama.

(ii) Lima orang murid dari kelas ini telah menyertai pertandingan debat itu.

(iii) Pihak polis akhirnya berjaya memberkas penjenayah siber itu.

(iv) Mereka telah menyediakan peralatan untuk perkhemahan esok.

(v) Kami sentiasa mengamalkan semangat kerjasama bagi menceriakan suasana perkhemahan itu.

3. Cerakinkan ayat-ayat majmuk di bawah ini supaya menjadi dua ayat tunggal tanpa mengubah struktur dan maksud asalnya.

(i) Kanak-kanak itu menangis kerana digigit lipan.

(a) _____

(b) _____

(ii) Kamu hendak mengikut ayah dan ibu atau hendak tinggal bersama dengan nenek di sini?

(a) _____

(b) _____

(iii) Semua murid bersetuju dengan cadangan ketua kelas kecuali Fahmi.

(a) _____

(b) _____

(iv) Kain cadar yang sudah kotor itu saya cuci semalam.

(a) _____

(b) _____



(v) Kami yakin bahawa peserta kelima itu akan memenangi pertandingan ini.

(a) _____

(b) _____

PERIBAHASA


1. Lihat bahan di bawah ini. Berdasarkan bahan tersebut, tulis dua peribahasa yang sesuai.



(i) _____

(ii) _____

2. Lihat bahan di bawah ini. Berdasarkan bahan tersebut, tulis dua peribahasa yang sesuai.



- (i) _____
- (ii) _____

3. Lihat bahan di bawah ini. Berdasarkan bahan tersebut, tulis dua peribahasa yang sesuai.



- (i) _____
- (ii) _____

PEMAHAMAN

BAHAGIAN A Pemahaman Petikan

PROSA TRADISIONAL

Pelanduk Mengajar Memerang

Soalan 1 – 5

Baca bahan di bawah ini dengan telitinya dan jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Sembah Sang Bubut, "Ampun tuanku, beribu-ribu ampun. Sebab pun patik memalu gendang perang dengan tiada titah tuanku, patik lihat Sang Biawak membawa pedang tercabut saja berlari-lari; jadi kepada fikiran patik musuh datang dari mana akan melanggar Duli yang Maha Mulia; itulah sebab patik palu dengan bersungguh-sungguh hati patik, supaya diketahui sekalian juak-juak hulubalang tuanku akan hal Duli yang Maha Mulia."

Baginda menyuruh memanggil Sang Biawak. Belatuk pun menyembah pergi kepada Sang Biawak. Seketika lagi Sang Biawak pun menghadap Nabi Allah. Titah baginda, "Hai Sang Biawak, sebab aku memanggil engkau ini kerana aduan memerang mati anaknya dipijak Syah Alam di Rimba. Syah Alam di Rimba memijakkan anak memerang itu kerana Sang Bubut memalu gendang perang. Sebab pun Sang Bubut memalu gendang perang itu, oleh kerana engkau membawa pedang bercabut konon; jikalau begitu engkau membawa pedang bercabut itu, musuh mana akan datang melanggar beta ini?"

Telah didengar Sang Biawak titah baginda itu, ia pun segera menyembah menundukkan kepala ke tanah, sembah, "Ampun, Tuanku Syah Alam, beribu-ribu ampun, sembah patik pacal yang hina harapkan diampun.

Adapun sebab patik membawa pedang bercabut itu, patik lihat Sang Labi-labi mudik menyerendeng sahaja membawa perisai, patik pun datanglah membawa pedang bercabut, sangka patik tentulah musuh yang besar melanggar tuanku."

(Dipetik daripada prosa tradisional 'Pelanduk Mengejar Memerang', antologi *Baik Budi, Indah Bahasa*, Tingkatan 2, Kementerian Pendidikan Malaysia)

1. Maksud perkataan *memalu* dalam petikan di atas ialah

- A menokok
- B melanggar
- C memukul
- D memetik

2. Nyatakan punca Sang Bubut memalu gendang perang.

- A Sang Biawak dipanggil menghadap baginda
- B Anak-anak memerang mati dipijak oleh Syah Alam di Rimba
- C Melihat Sang Biawak berlari-lari sambil membawa sebilah pedang
- D Melihat Sang Labi-labi membawa perisai

3. Apakah peristiwa yang menyebabkan Sang Biawak membawa pedang bercabut?

- A Melihat Sang Labi-labi mudik membawa perisai
- B Melihat Sang Bubut memalu gendang perang
- C Melihat Syah Alam di Rimba memijak anak-anak memerang

D Melihat Nabi Sulaiman diserang oleh pihak musuh

4. Apakah nilai murni yang terdapat dalam rangkap pertama petikan prosa di atas?

- A Baik hati
- B Patriotisme
- C Berdikari
- D Kasih sayang

5. Antara yang berikut ialah pengajaran yang terdapat dalam petikan prosa tradisional di atas, **kecuali**

- A kita hendaklah menjadi pemimpin yang prihatin akan masalah rakyat.
- B kita hendaklah menerima keputusan dengan hati yang terbuka.
- C kita hendaklah sentiasa bersedia untuk menghadapi ancaman musuh.
- D kita hendaklah sentiasa patuh akan arahan pemerintah.

PUISI TRADISIONAL**Pantun Nasihat****Soalan 6 – 10**

Baca bahan di bawah ini dengan telitinya dan jawab soalan-soalan yang berikutnya.

- 1 Tanam balik buah peria,
Buah peria mahal sekali;
Buat baik berpada-pada,
Buat jahat jangan sekali.
- 2 Ketua-ketua raja duduk,
Jangan ditimpa papan;
Diketahui ganja itu mabuk,
Apakah sebab maka dimakan?
- 3 Meninjau berpadi masak,
Batang kapas bertimbal jalan;
Hati risau dibawa gelak,
Bagai panas mengandung hujan.
- 4 Pulau di balik Pulau Gosong,
Pandan di Jawa diranggungkan;
Jangan kata terdorong-dorong,
Badan dan nyawa menanggungkan.

- 5 Hangus bertih berwarna merah,
Mari dituang ke dalam kain;
Suami yang letih usah dimarah,
Kelak terbang ke bunga lain.
- 6 Anak Cina membawa surat,
Dari Perak langsung ke Deli;
Hidup di dunia biar beradat,
Bahasa tidak dijual beli,
- 7 Pisang kelat digonggong helang,
Jatuh ke Lubuk Inderagiri;
Jikalau berdagang ke rantau orang,
Baik-baik membawa diri.

(Dipetik daripada antologi *Baik Budi, Indah Bahasa* Tingkatan 2, Kementerian Pendidikan Malaysia)

6. Pilih contoh imej alam yang terdapat dalam pantun.
A Bertih
B Rantau
C Badan
D Bahasa
7. Apakah maksud rangkap keempat?
A Jangan mengambil sesuatu yang haram
B Hendaklah menjaga tutur kata agar tidak menanggung sengsara
C Jagalah tutur kata semasa berada di tempat orang
D Sentiasalah berbuat baik supaya dihormati orang
8. Apakah nilai yang terdapat dalam rangkap keenam pantun di atas?
A Hemah tinggi
B Baik hati
C Kasih sayang
D Kesederhanaan
9. Yang berikut ialah pengajaran yang terdapat dalam pantun di atas, **kecuali**
A kita harus pandai membawa diri semasa di perantauan orang.
B kita hendaklah sedar bahawa setiap perbuatan ada balasannya.
C kita janganlah melakukan perbuatan yang merosakkan diri sendiri.
D suami isteri hendaklah saling menghormati demi menjaga kerukunan rumah tangga.
10. Mengapakah kita harus menjaga diri ketika berada di perantauan?
A Supaya mudah mendapat rezeki
B Supaya dipandang mulia oleh masyarakat
C Supaya terhindar daripada melakukan kemungkaran
D Supaya mudah mendapat kawan yang baik

Pantun Alam Remaja

Soalan 11 – 15

Baca bahan di bawah ini dengan telitinya dan jawab soalan-soalan yang berikutnya.

- | | |
|---|--|
| 1 Elok rupanya kumbang jati,
Dibawa itik pulang petang;
Tidak terkatakan besar hati,
Melihat ibu sudah pulang. | 5 Hanyut batang berlilit kumpai,
Terdampar di ujung Tanjung Jati;
Bonda pulang bapa pun sampai,
Kita semua berbesar hati. |
| 2 Dibawa itik pulang petang,
Dapat di rumput bilang-bilang;
Melihat ibu sudah pulang,
Hati cemas menjadi hilang. | 6 Ramai orang bersorak-sorak,
Menepuk gendang dengan rebana;
Alang besarnya hati awak,
Mendapat baju dengan celana. |
| 3 Ayam kinantan terbang mengekas,
Hinggap di ranting bilang-bilang;
Melihat bonda pulang lekas,
Hatiku besar bukan kepalang. | 7 Mahulah kami hendak melapun,
Lapun dibawa orang menjaja;
Jangan marah kami berpantun,
Budak kecil biasa manja. |
| 4 Kita menari keluar bilik,
Sebarang tari kita tarikan;
Kita menyanyi adik-beradik,
Sebarang nyanyi kita nyanyikan. | |

(Dipetik daripada antologi *Baik Budi Indah Bahasa*,
Tingkatan 2, Kementerian Pendidikan Malaysia)

11. Apakah maksud rangkai kata *tidak terkatakan*?
 - A Sukar untuk diceritakan
 - B Bukan untuk memberitahu orang ramai
 - C Kesukaran untuk meluahkan perasaan
 - D Bercerita dengan perasaan gembira
12. Dalam rangkap ketiga, mengapakah anak-anak berasa sangat gembira?
 - A Ibu mereka cepat pulang ke rumah
 - B Ibu membelikan mereka hadiah
 - C Ibu bernyanyi bersama dengan mereka
 - D Sentiasa disayangi oleh ibu
13. Antara yang berikut ialah ciri pantun di atas, **kecuali**
 - A terdiri daripda tujuh rangkap.
 - B bilangan katanya tiga hingga lima patah perkataan.
 - C terdiri daripada sembilan hingga sebelas suku kata sebaris.
 - D terdiri daripada sembilan hingga sepuluh suku kata sebaris.
14. Bagaimanakah keadaan anak-anak sekiranya ibu dan ayah mereka tiada di rumah?
 - A Berasa gembira
 - B Berasa bosan
 - C Berasa takut dan risau
 - D Berasa bebas
15. Antara yang berikut, yang manakah yang tidak benar tentang pengajaran bagi pantun di atas?
 - A Ibu bapa mestilah bertanggungjawab terhadap keselamatan anak-anak.
 - B Ibu bapa hendaklah menyayangi anak-anak mereka dengan sepenuh hati.
 - C Anak-anak hendaklah patuh akan nasihat ibu bapa agar hidup dalam keberkatan.
 - D Sebagai ibu bapa, kita hendaklah bersikap pemurah kepada anak-anak untuk mengukuhkan ikatan kekeluargaan.

DRAMA**Mahkamah****Soalan 16 – 20**

Baca bahan di bawah ini dengan telitinya dan jawab soalan-soalan yang berikutnya.

HAKIM : Ya, peguam bela ini pelanggan kamu ... Bulat bin Leper, telah dituduh menyebabkan kematian seorang nenek tua secara tidak sengaja pada 10 Januari 1988, antara jam 8.00 hingga 9.00 pagi di Taman Gagak Putih. Saya beri tempoh seminit untuk berunding dengan pelanggan kamu. (*Meniup wisel*)

PEGUAM BELA dan TERTUDUH 1 berunding dengan aksi tergesa-gesa, keburuan.

HAKIM : Masa sudah cukup. Baik, kita sambung perbicaraan.

PENDAKWA RAYA bangun untuk memulakan tugasnya.

PENDAKWA RAYA : Bulat bin Leper, adakah pada 10 Januari 1988, antara jam 8.00 hingga 9.00 pagi, kamu berada di Taman Gagak Putih?

TERTUDUH 1 : Ya, benar sekali, tuan.

PENDAKWARAYA : Dan dalam waktu tersebut itu, seorang nenek yang sedang berjoging telah terpijak kulit pisang yang kamu buang lalu tergelincir dan jatuh. Kejadian itu menyebabkan pinggangnya patah dan dia mati dalam perjalanan ke hospital. Adakah kamu mengaku bahawa kenyataan ini benar?

TERTUDUH 1 : Kenyataan itu tidak benar, tuan.

PENDAKWA RAYA : Saya ulang. Adakah kamu makan pisang pada waktu tersebut?

TERTUDUH 1 : Benar, tuan.

PENDAKWA RAYA : Dan kulit pisang itu, kamu yang buang, bukan?

TERTUDUH 1 : Benar, tuan.

PENDAKWA RAYA : Dan nenek itu mati akibat terpijak kulit pisang yang kamu buang, bukan?

TERTUDUH 1 : Tidak benar, tuan.

(Dipetik daripada drama 'Mahkamah', antologi *Baik Budi Indah Bahasa*, Tingkatan 2, Kementerian Pendidikan Malaysia)

16. Rangkaian kata *tidak sengaja* dalam petikan bermaksud

- A bukan kemahuan diri sendiri
- B tanpa memasang niat terlebih dahulu
- C bukan bermaksud begitu
- D memang diniatkan begitu terlebih dahulu

17. Apakah pertuduhan yang dihadapi oleh Bulat bin Leper?

- A Merosakkan sebuah tong sampah awam
- B Menyebabkan kematian seorang nenek tua
- C Memakan buah pisang di Taman Gagak Putih
- D Membuang kulit pisang di jalan raya

18. Pilih latar masyarakat yang tidak terdapat dalam petikan drama di atas.

- A Masyarakat yang hidup miskin
- B Masyarakat yang intelektual
- C Masyarakat yang menindas orang yang tidak berkemampuan

D Masyarakat yang mengamalkan gaya hidup sihat

19. Yang berikut merupakan perwatakan Bulat bin Leper berdasarkan petikan di atas, **kecuali**

- A miskin.
- B berani.
- C tetap pendirian.
- D prihatin.

20. Antara yang berikut, yang manakah yang benar tentang petikan drama di atas?

- A Bulat bin Leper tidak mengaku bahawa dia telah makan sebiji pisang pada waktu yang disebut oleh peguam bela.
- B Peguam bela diberi tempoh seminit untuk berunding dengan anak guamnya.
- C Nenek tua yang terjatuh akibat terpijak kulit pisang itu mati di hospital.
- D Bulat bin Leper mengupah peguam bela yang dicadangkan oleh mahkamah.

PUISI MODEN

Roti

Soalan 21 – 25

Baca bahan di bawah ini dengan telitinya dan jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Dari cerobong dapur
asap berjelaga berkepul
terkecur liur
harum berbau juadah tersohor.

Perut yang lapar
selera kian menggelepar
menanti roti dibakar
rangup dan segar
terhidang seumpama permaidani
terhampar.

Kala roti di depan mata
nafsu makan pun bergelora
berkeping-keping menggegar selera
perut pun kenyang terasa
tenang bersendawa.

Bagi pemilik iman di dada
sendawa itu tidak sempurna
masih ada beban di bahu mereka
warga miskin belum terbela
masih merintih lapar dahaga.

Bila begitu selamanya
kalimah syukur pun jelas tertera
di hati sanubari warga dunia
melangit damai dirasa
percikan iman segar berwarna.

(Dipetik daripada antologi *Baik Budi, Indah Bahasa*,
Tingkatan 2, Kementerian Pendidikan Malaysia)

21. Rangkai kata *terkecur liur* yang terdapat dalam sajak di atas ialah
- A menghilangkan selera.
 - B berasa sangat kenyang.
 - C membangkitkan selera.
 - D berkehendakkan sesuatu.
22. Apakah perasaan penyajak setelah menikmati hidangan roti yang enak itu?
- A Penyajak berhasrat untuk membantu golongan yang tidak bernasib baik
 - B Penyajak berasa syukur kerana berpeluang untuk menikmati makanan yang enak
 - C Penyajak memikirkan orang lain yang tidak mendapat makanan sepertinya
 - D Penyajak berasa sedih kerana masih ada yang tidak berpeluang menikmati makanan
23.

percikan iman segar berwarna
- Yang manakah yang benar tentang unsur gaya bahasa di atas?
- A Metafora
 - B Hiperbola
 - C Simile
 - D Personifikasi
24. Apakah persoalan sajak Roti berdasarkan rangkap keempat?
- A Ketika lapar, manusia tidak dapat menahan nafsu makan.
 - B Semasa kenyang, orang yang beriman tidak akan melupakan orang yang miskin.
 - C Manusia akan diuji keimanan mereka semasa mereka dalam kekenyangan.
 - D Apabila seseorang memperoleh makanan yang sedap mereka akan berkongsi dengan orang yang susah.
25. Antara yang berikut ialah pengajaran yang dapat diperoleh daripada sajak di atas, kecuali
- A kita hendaklah bersabar ketika menunggu untuk mendapatkan sesuatu.
 - B kita hendaklah melatih diri kita untuk menjadi orang yang beriman.
 - C kita mestilah bersyukur atas nikmat yang diberikan oleh Tuhan.
 - D kita mestilah melakukan sesuatu pekerjaan dengan besungguh-sungguh.

Kucari Damai di Sini**Soalan 26 – 30**

Baca bahan di bawah ini dengan telitinya dan jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Kucari damai di sini
di tanah subur makmur dan merdeka
yang menyalu dan merdeka antara realiti dan
mimpi
membebat perasaan kehidupan
dengan sejarah persaudaraan
mengikat naluri kemanusiaan.

Kucari damai di sini
cinta dan jati diri
bersemarak di laman sukma

dengan kasih sayang
bersemadi di naluri.

Di sini damainya badai
moga gemilang sepanjang zaman
menjadi catatan sejarah kebanggaan
untuk generasi masa depan.

(Dipetik daripada antologi *Baik Budi, Indah Bahasa*,
Tingkatan 2, Kementerian Pendidikan Malaysia)

26. Berdasarkan rangkap pertama sajak, bagaimanakah sikap negatif dalam kalangan masyarakat dapat dikikis?
- A Masyarakat hendaklah bersangka baik antara satu sama lain
 - B Masyarakat hendaklah mengekalkan kemerdekaan yang telah dicapai
 - C Masyarakat hendaklah sentiasa berusaha untuk hidup senang
 - D Masyarakat hendaklah hidup dalam harmoni dan tolong-menolong
27. membebat perasaan kehidupan
- Frasa di atas merupakan gaya bahasa
- A metafora.
 - B hiperbola.
 - C simile.
 - D personifikasi.
28. Berdasarkan rangkap kedua, bagaimanakah kedamaian dapat dicari?
- A Dengan mengekalkan kemerdekaan yang dicapai oleh negara
 - B Dengan mengamalkan sikap bersangka baik dalam kalangan rakyat
 - C Dengan perasaan cinta dan jati diri yang bersemarak dalam diri
 - D Dengan menerapkan perasaan bangga terhadap pemimpin dan negara
29. Antara yang berikut ialah persoalan sajak di atas, **kecuali**
- A kedamaian tidak akan datang dengan sendirinya
 - B kedamaian akan wujud dengan adanya nilai kasih sayang.
 - C negara kita ialah negara yang aman dan makmur.
 - D persefahaman antara masyarakat menjamin keharmonian
30. Apakah nilai murni yang terdapat dalam rangkap terakhir sajak?
- A Patriotisme
 - B Keinsafan
 - C Kesyukuran
 - D Hormat-menghormati

Talia dan Raksasa Qadqad

Soalan 31 – 35

Baca bahan di bawah ini dengan telitinya dan jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Sidek segera meloncat ke tempat pemandu dan menghidupkan enjin lantas menerjah ke hadapan. Mereka terlambung-lambung setiap kali tayar berlaga dengan selirat akar yang berbonggol di tanah. Di kiri dan kanan, getah pohon ceruyu yang diredah ganas meleleh daripada kulitnya.

Dari celah-celah rimbunan hijau yang rebah rempah itu, Talia merasai sesuatu yang ganjil. Perjalanan mereka disoroti entah berapa pasang mata hijau kuning.

Tidak lama kemudian, mereka tiba di kawasan huma lalu Sidek memberhentikan kenderaan dan mematikan enjin. Suara Binjah berbalah dengan Tuk Sibat mula dapat didengar. Sekumpulan manusia yang diketuai oleh Binjah sedang mengepung kampung itu. Beberapa pemandu jentolak duduk angkuh di tempat pemandu. Binjah dengan lagak penjarah, memutar-mutarkan pistol di tangan. Ada antara pengikutnya juga bersenjata api. Di sebelah Binjah, enam orang lelaki sedang menyalakan jamung.

"Orang tua degil!" Aku bagi peluang, kau tak mahu berambus!" Binjah menghamun sambil memberi isyarat tangan agar salah sebuah pondok di situ dibakar.

"Berhenti!"

Dodo dan Sidek menjerit serentak.

Binjah menoleh dengan mulut sedikit ternganga.

"Berhenti!" Polis dalam perjalanan!" Dodo menjerit sambil mara ke arah Tuk Sibat.

Talia yang sedang menggelongsor turun dari kenderaan tinggi itu dapat melihat wajah-wajah lega ahli sukunya.

Namun, tawa Binjah, tiba-tiba meledak.

"Aku takut polis?" Tawanya bertali-tali. "Bakar! Bakar sekarang!"

(Dipetik daripada cerpen 'Talia dan Raksasa Qadqad', antologi *Baik Budi, Indah Bahasa*, Tingkatan 2, Kementerian Pendidikan Malaysia)

31. Perkataan *menerjah* dalam petikan bermaksud

- A meniup
- B merempuh
- C memeriksa
- D meneroka

32. Antara yang berikut ialah keadaan semasa Sidek dan Talia sekeluarga tiba di kampung, **kecuali**

- A Binjah dan orang-orangnya mengepung kampung itu.
- B beberapa orang pemandu duduk di jentolak dengan sombong.
- C beberapa orang lelaki sedang menyalakan jamung.
- D Binjah dan beberapa orang pengikutnya sedang membakar pondok-pondok penduduk kampung.

33. Mengapakah Binjah meminta orang-orangnya membakar perkampungan orang asli tersebut?

- A Untuk mengambil alih kawasan perkampungan tersebut.
- B Untuk membunuh raksasa Qadqad yang bersembunyi di kawasan tersebut

C Untuk membalas dendam terhadap Tuk Sibat dan keluarganya

D Untuk menghalang serangan raksasa Qadqad

34. Mengapakah penduduk kampung dilihat berasa lega?

- A Talia dan Sidek datang untuk membantu mereka
- B Dodo memberitahu mereka bahawa pihak polis akan tiba
- C Binjah dan pengikut meninggalkan tempat itu setelah polis tiba
- D Beratus-ratus ekor raksasa Qadqad datang untuk membantu mereka

35. Latar masyarakat yang manakah yang menggambarkan sikap Binjah dan pengikut-pengikutnya berdasarkan petikan di atas?


- A Masyarakat yang kejam dan tamak
- B Masyarakat yang bercita-cita tinggi
- C Masyarakat golongan petani
- D Masyarakat yang agresif

BAHAGIAN B Pemahaman Petikan

1. Baca bahan-bahan di bawah ini dengan telitinya, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Sambutan Hari Bumi diraikan pada 22 April pada setiap tahun di seluruh dunia sebagai usaha menghargai bumi. Selain itu, sambutan Hari Bumi ini juga dapat menyemai sikap tanggungjawab serta meningkatkan kesedaran dalam kalangan masyarakat untuk melindungi bumi dan alam sekitar. Pada setiap tahun, Jabatan Alam Sekitar telah terlibat dalam penganjuran program-program kesedaran alam sekitar bersempena dengan sambutan Hari Bumi sebagai usaha dalam meningkatkan kesedaran masyarakat di Malaysia terhadap alam sekitar.

Bahan 2**Bahan 3**

Pada hari ini, mutu alam sekitar semakin meruncing sehingga menimbulkan pelbagai isu yang berterusan seperti banjir kilat, tanah runtuh, pemusnahan hutan, pencemaran, kesan rumah hijau, penipisan lapisan ozon, hakisan, dan juga kepupusan pelbagai spesis flora dan fauna. Permasalahan ini merupakan antara isu besar yang tidak pernah surut, sebaliknya saban hari kita menyaksikan berlakunya peningkatan terhadap isu-isu berkenaan.

Jika diamati, bukan tiada usaha yang dilaksanakan bagi membendung permasalahan ini, malah saban tahun begitu banyak program dan aktiviti kesedaran alam sekitar dilaksanakan. Namun demikian, usaha-usaha ini dilihat seolah-olah kurang memberikan impak kepada masyarakat. Buktinya, kita masih lagi melihat perbuatan segelintir daripada kita yang membuang sampah di merata-rata tanpa sedikit pun rasa bersalah. Hal ini jelas memberikan cerminan kepada kita bahawa kesedaran masyarakat terhadap kepentingan menjaga alam sekitar masih lagi berada pada tahap yang rendah.

- (i) Berdasarkan bahan-bahan di atas, mengapakah sambutan Hari Bumi dan Hari Alam Sekitar diadakan?

- (ii) Berdasarkan Bahan 3, mengapakah kesedaran masyarakat terhadap kepentingan menjaga alam sekitar dikatakan masih lagi berada pada tahap yang rendah?

- (iii) Pada pendapat anda, apakah punca-punca yang menyebabkan pencemaran alam sekitar?

2. Baca bahan-bahan di bawah ini dengan telitinya, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Kucari damai di sini
di tanah subur makmur dan merdeka
yang menyilau dan merdeka antara realiti dan mimpi
membebat perasaan kehidupan
dengan sejarah persaudaraan
mengikat naluri kemanusiaan.

Kucari damai di sini
cinta dan jati diri
bersemarak di laman sukma
dengan kasih sayang
bersemadi di naluri.


Di sini damainya badai
moga gemilang sepanjang zaman
menjadi catatan sejarah kebanggaan
untuk generasi masa depan.

(Dipetik daripada antologi *Baik Budi, Indah Bahasa*,
Tingkatan 2, Kementerian Pendidikan Malaysia)

Bahan 2



Bahan 3





- (i) Huraikan dua nilai yang terdapat daripada Bahan 1.
- _____
- _____
- (ii) Berdasarkan Bahan 2 dan Bahan 3, nyatakan cara-cara yang dapat dilakukan untuk menunjukkan rasa sayang akan negara.
- _____
- _____
- _____
- (iii) Kedaulatan negara haruslah dikekalkan demi keharmonian dan kedamaian di sesebuah negara. Pada pendapat anda, apakah langkah-langkah yang harus kita ambil bagi mengekalkan kemerdekaan negara?
- _____
- _____
- _____

BAHAGIAN B

Novel

1. Jawapan anda hendaklah berdasarkan **satu** daripada novel yang telah anda kaji di **Tingkatan 2**.

- (i) Jalan ke Puncak, karya Juri Durabi

(ii) Meniti Impian, karya Osman Ayob

(iii) Jejak MONPUS, karya Zulaiha Paikon

(iv) Darah Titik di Semantan, karya Arman Sani

Latar masyarakat ialah gambaran kehidupan masyarakat yang dipaparkan dalam sesebuah karya. Berdasarkan sebuah novel di atas, kemukakan **satu** contoh peristiwa yang sesuai bagi setiap latar masyarakat yang telah ditetapkan.

Novel	Latar masyarakat
Jalan ke Puncak	- Masyarakat yang berpendirian tegas - Masyarakat yang taat akan perintah agama - Masyarakat yang berdikari
Meniti Impian	- Masyarakat pekebun yang rajin bekerja - Masyarakat pelajar yang belajar dengan bersungguh-sungguh - Masyarakat yang mempunyai keazaman yang kuat
Jejak MONPUS	- Masyarakat yang penyayang - Masyarakat yang bijaksana - Masyarakat yang cemburu akan kejayaan orang lain
Darah Titik di Semantan	- Masyarakat penjajah - Masyarakat yang berjuang untuk menentang penjajah - Masyarakat yang tidak mempercayai kepercayaan karut

[illegible]

2. Jawapan anda hendaklah berdasarkan **satu** daripada novel yang telah anda kaji di **Tingkatan 2**.

- (i) Jalan ke Puncak, karya Juri Durabi
- (ii) Meniti Impian, karya Osman Ayob
- (iii) Jejak MONPUS, karya Zulaiha Paikon
- (iv) Darah Titik di Semantan, karya Arman Sani

Latar masa ialah semua jenis keterangan tentang masa sesuatu peristiwa yang berlaku dalam sesebuah cerita.

Berdasarkan sebuah daripada novel di atas, kemukakan **tiga** peristiwa lain yang bersesuaian dengan latar masa yang dinyatakan.

CONTOH PERISTIWA


Pak Long Abas dan Pak Uda Ismail ditahan oleh Desborough kerana membawa rotan tanpa kebenaran.

3. Jawapan anda hendaklah berdasarkan **satu** daripada novel yang telah anda kaji di **Tingkatan 2**.

- (i) Jalan ke Puncak, karya Juri Durabi
- (ii) Meniti Impian, karya Osman Ayob
- (iii) Jejak MONPUS, karya Zulaiha Paikon
- (iv) Darah Titik di Semantan, karya Arman Sani

Nilai kerajinan merupakan salah satu nilai murni yang diterapkan oleh pengarang sesebuah novel bagi mendidik para pembaca. Kebiasaannya, nilai tersebut digambarkan melalui watak dan peristiwa yang terdapat dalam karyanya.

Berdasarkan sebuah daripada novel yang telah anda pelajari, kemukakan **satu** contoh peristiwa yang berkaitan dengan nilai tersebut. Peristiwa yang dikemukakan mestilah berkait dengan setiap watak yang dinyatakan.



PEMINDAHAN MAKLUMAT

BAHAGIAN >> C

Ringkasan

Baca petikan di bawah ini dengan telitinya. Berdasarkan petikan tersebut, tulis sebuah ringkasan tentang **kesan-kesan peningkatan kos sara hidup**. Panjangnya ringkasan anda hendaklah **tidak melebihi 100 patah perkataan**. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.

Peningkatan kos sara hidup berkait rapat dengan keadaan ekonomi sesebuah negara. Rakyat di negara maju sudah tentu mempunyai kos sara hidup yang berbeza dengan rakyat di negara-negara sedang membangun. Paras harga yang tinggi akan menggambarkan kos sara hidup yang tinggi, sebaliknya harga barangan yang murah akan mengurangkan bebanan dan kos sara hidup.

Peningkatan kos sara hidup membebankan semua lapisan masyarakat tanpa mengira taraf pekerjaan. Golongan yang berpendapatan rendah akan lebih merasai bebanan ini. Seterusnya, peningkatan kos sara hidup menyumbang kepada peningkatan kemiskinan bandar. Pelbagai langkah perlu dilakukan bagi membantu golongan ini, seperti bantuan kewangan oleh pihak kerajaan atau swasta. Ketiadaan sumber pendapatan menyebabkan peningkatan kes rompakan, kecurian, rasuah, dan penyalahgunaan kuasa.

Dari aspek yang lain, peningkatan kos sara hidup menyebabkan ibu bapa terpaksa melakukan pelbagai alternatif, seperti bekerja lebih masa atau melaksanakan dua pekerjaan bagi menampung keperluan keluarga. Hal yang sedemikian akan menjejaskan hubungan kekeluargaan akibat ibu bapa tidak mempunyai masa yang mencukupi bersama-sama ahli keluarga mereka. Keletihan bekerja dan masa rehat yang kurang menimbulkan perasaan stres dan kesihatan tubuh badan akan merosot.

Lebih malang lagi, ada sesetengah pihak mengambil jalan pintas dalam menangani kos sara hidup dengan berhutang. Para peniaga sudah tentu mendapat keuntungan yang besar akibat peningkatan kos sara hidup ini, namun sikap perikemanusiaan perlu diseimbangkan agar kehidupan yang sejahtera dapat diwujudkan.

Rumusan

Baca petikan di bawah ini dengan telitinya. Berdasarkan petikan tersebut, tulis **satu rumusan** yang panjangnya **tidak melebihi 100 patah perkataan**. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.

Aktiviti kokurikulum merupakan suatu aktiviti yang dijalankan di luar bilik darjah. Aktiviti ini termasuklah kegiatan sukan dan permainan, pertubuhan pakaian seragam, dan kelab atau persatuan. Setiap murid diwajibkan supaya menyertai sekurang-kurangnya satu daripada setiap aktiviti tersebut. Aktiviti ini juga merupakan wadah pembinaan jasmani, emosi, dan rohani selaras dengan matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang bertujuan untuk membentuk generasi yang seimbang.

Memang tidak dapat dinafikan bahawa ada murid yang tidak mempunyai sikap berdikari kerana segala urusan kehidupan mereka seperti mencuci pakaian, pinggan mangkuk, dan mengemas bilik dilakukan oleh ibu atau pembantu rumah. Dalam aktiviti kokurikulum, nilai berdikari boleh ditanam melalui penyertaan dalam pasukan beruniform. Lazimnya, pasukan beruniform ini akan menganjurkan pelbagai kegiatan seperti aktiviti berkelah, berkhemah, mengembara, atau ekspedisi. Dalam kegiatan yang sedemikian, setiap peserta perlu menguruskan rutin hidup mereka tanpa bantuan sesiapa.

Semua sedia maklum bahawa perpaduan amat penting dalam mewujudkan negara yang aman terutamanya dalam negara yang berbilang kaum seperti Malaysia. Ahli persatuan dan kelab terdiri daripada murid pelbagai kaum seperti Melayu, Cina, India, dan lain-lain. Nilai perpaduan dapat dipupuk apabila murid-murid ini bersatu dalam sesuatu kegiatan. Secara tidak langsung, hubungan mereka akan bertambah erat ibarat isi dengan kuku untuk mencapai matlamat yang diharapkan.

Sikap melepaskan batuk di tangga dapat dihapuskan apabila seseorang murid diberikan kepercayaan dan amanah untuk menyandang sesuatu jawatan yang penting dalam unit beruniform, kelab, dan permainan. Dalam pada itu, peraturan yang ditetapkan dalam unit beruniform bertujuan untuk membentuk disiplin diri dan melatih mereka supaya berperibadi tinggi dan luhur. Pendek kata, pembentukan disiplin diri dapat dicapai oleh murid-murid melalui penyertaan aktiviti kokurikulum. Di samping itu, nilai kepimpinan dapat juga ditanam dalam diri mereka kerana mereka akan diasuh dan diasah sebagai insan yang bertanggungjawab, berkeyakinan, amanah, dedikasi, dan berupaya untuk berinteraksi dengan anak buahnya.

Berdasarkan fakta yang telah dinyatakan di atas, dapatlah dirumuskan bahawa aktiviti kokurikulum amat berfaedah kepada murid-murid. Jadi, ibu bapa, pihak sekolah, dan Kementerian Pelajaran Malaysia perlulah menggembeleng tenaga untuk memastikan murid-murid melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti kokurikulum di sekolah supaya usaha untuk melahirkan modal insan yang cemerlang, gemilang, dan terbilang akan menjadi kenyataan.

2. Berdasarkan maklumat yang disediakan, tulis sebuah karangan pendek yang panjangnya antara **50 hingga 80 patah perkataan**.


This image shows a single sheet of white paper with horizontal ruling lines. The lines are evenly spaced and run across the width of the page. There are no margins, text, or other markings on the paper.

BAHAGIAN B Karangan Respons Terbuka


Lihat gambar dan maklumat di bawah ini dengan telitinya. Kemudian **pilih satu daripada tiga soalan** yang dikemukakan dan tulis sebuah karangan yang panjangnya **tidak kurang daripada 180 patah perkataan**.



- ibu bapa sebagai suri teladan
- dapat melahirkan modal insan yang berkualiti
- mengurangkan masalah sosial



- meluangkan masa dengan anak-anak
- pihak media menyiarkan program-program kekeluargaan
- ibu bapa memberikan didikan agama



1. Sekolah anda menganjurkan pertandingan syarahan bersempena dengan sambutan Bulan Bahasa Kebangsaan. Anda ingin menyertai pertandingan syarahan tersebut. Tajuk syarahan anda ialah 'Peranan Institusi Kekeluargaan sebagai Pembentuk Sahsiah Remaja'.

Tulis teks syarahan anda selengkapnya.

2. Keluarga merupakan nadi kehidupan bagi anak-anak yang sedang meningkat remaja. Anak-anak memerlukan sokongan daripada keluarga bagi menempuh kehidupan yang penuh cabaran.

Bincangkan kepentingan keluarga bahagia kepada pembangunan negara.

3. Anda diminta untuk menulis rencana bagi dimuatkan dalam majalah sekolah. Tajuk rencana tersebut ialah 'Usaha-usaha untuk Memperkukuh Institusi Kekeluargaan'.

Tulis rencana tersebut selengkapnya.

[illegible]

[illegible]